



**MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**  
**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**

**JAWATAN : PEGAWAI UNDANG-UNDANG (GRED L44)**

**TARAF JAWATAN : TETAP**

**BILANGAN KEKOSONGAN : SATU (1) KEKOSONGAN**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERKHIDMATAN PERUNDANGAN DAN  
KEHAKIMAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**TEMPAT : MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**

<b>JADUAL GAJI</b>	<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>	<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>
	<b>RM3,600.00</b>	<b>RM10,502.00</b>	<b>RM250.00</b>

**A. SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **dan**
  - (c) mempunyai:
    - (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
    - (ii) Iulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil

Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**

3. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** dalam bidang berkaitan pengurusan perundangan am.

## B. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

1. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Undang-undang, Gred L41 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-undang, Gred L44, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan, **dan**:
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a) dan 1(c); **atau**
  - (b) lulus Peperiksaan Khas; **dan**
  - (c) had umur pelantikan:
    - i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
    - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
    - iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## C. FUNGSI BIDANG TUGAS

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) sedang berkembang dengan melaksanakan lebih banyak fungsi-fungsi yang termaktub di dalam Akta Perubatan (1971) dan pindaan 2012. Dengan pewujudan lebih banyak fungsi, MPM mempelawa individu berkelayakan untuk menyandang jawatan Pegawai Undang-undang, Gred L44. Kami memerlukan individu yang berpengetahuan luas dalam bidang perundangan dan kehakiman, mempunyai kemahiran interpersonal dan berpengetahuan yang baik dalam Akta Perubatan dan Peraturan Perubatan. Antara tugas utama adalah seperti berikut:

- a) bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, dan guaman; dan
- b) pemantauan dan pengawasan prestasi keselamatan dan obligasi selepas pendaftaran pengamal perubatan merangkumi *adverse event, reporting, recall, incident investigation*.

#### D. CARA MEMOHON

- a) permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara online di Portal Rasmi Majlis Perubatan Malaysia ([www.mmc.gov.my](http://www.mmc.gov.my)).
- b) borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dokumen seperti berikut:
  - i. satu (1) keping gambar terkini berukuran passport (tidak dikembalikan).
  - ii. salinan MyKad dan salinan Sijil Kelahiran.
  - iii. salinan Kelulusan Akademik (berkaitan permohonan) dan lain-lain dokumen sokongan.
  - iv. permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah disertakan salinan Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini dan mestilah melalui Ketua Jabatan Masing-masing mengikut peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatian) 2012.
  - v. kesemua salinan dokumen tersebut hendaklah ditandatangani dan diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas).
- c) Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,  
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA,  
Blok B, Aras Bawah, Jalan Cenderasari,  
50590 KUALA LUMPUR.  
U.P: Pengurus Sumber Manusia**
- d) Tuliskan **NAMA JAWATAN YANG DIPOHON** di sebelah atas kiri sampul surat dengan **HURUF BESAR**.
- e) Permohonan yang tidak lengkap/lewat **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- f) **Tarikh tutup permohonan adalah pada 16 April 2021.**
- g) **Hanya pemohon yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.**